

**TITAH UCAPAN RAJA MUDA PERLIS
DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL
SEMPENA MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM
“ROADSHOW INTEGRITI’ DI NEGERI PERLIS DAN
“TITAH INTEGRITI DIRAJA”, TAHUN 2018
BERTEMPAT DI PUSAT KOREKSIONAL NEGERI PERLIS
PADA 30 JANUARI 2018, JAM 2.30 PETANG**

Bismillahirrahmanirrahim,

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”

serta Salam - *“Budayakan Integriti Sejahtera Komuniti”*.

Alhamdulillah, Saya bersyukur kehadiran Allah Aza Wajalla kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua maka dapatlah kita bersama-sama pada petang yang sungguh berbahagia ini.

Mula-mula sekali, Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) khususnya Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif YBhg. Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) serta semua pihak yang menjayakan program ini.

Seterusnya, Saya mengalu-alukan kehadiran, Yang Berhormat- Yang Berhormat, Dif-Dif Kehormat, para peserta serta semua yang dapat meluangkan masa.

Hadirin sekalian,

Alhamdulillah, kita dihimpunkan untuk membicarakan satu topik yang sangat penting bukan sahaja untuk masa ini, tetapi lebih penting untuk kita fahami, alami dan hayati sebagai amalan harian kita semua bagi menentukan kesempurnaan dan keutuhan akhlak keperibadian yang berintegriti pada masa hadapan.

Titah pesanan Saya ini, adalah juga pesanan pada diri Saya sendiri, agar “integriti” yang ingin kita bicarakan menjadi amalan dan budaya kita semua.

Sidang hadirin yang dimuliakan,

Persoalan penting dalam tema ini yang harus kita tanya adalah:

Apakah signifikannya membudayakan integriti dengan kesejahteraan komuniti?

Adakah amalan integriti menjadi syarat utama untuk sesebuah komuniti mencapai tahap kesejahteraan?

Untuk menjawab persoalan ini, elok sekiranya kita lihat masalah-masalah yang ada di sekeliling kita dan apa punca yang menyebabkan masalah-masalah ini daripada berlaku.

Saya ingin mengambil contoh daripada perkara-perkara yang dekat dengan rakyat. Sebagai contoh yang pertama, apabila kita melihat sampah sarap yang tidak dikutip oleh kontraktor

yang sepatutnya mengutip sampah. Ini ada kemungkinan berlaku kerana:

- a. **Pertama**, kontraktor tidak mengendahkan amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepadanya oleh pihak Dewan Bandaraya atau Majlis Perbandaran.
- b. **Kedua**, Pegawai yang sepatutnya menguatkuasa amanah yang diberikan kepadanya tidak melaksanakan amanah apabila aduan dibuat oleh rakyat.
- c. **Ketiga**, berkemungkinan kedua-dua pihak ini menjalin kerjasama dengan satu pihak memberi habuan kepada pihak yang lain agar aduan tidak dimaklumkan kepada pihak atasan, dan
- d. **Keempat**, oleh kerana penguatkuasaan jarang diambil maka orang ramai bersikap acuh tidak acuh dengan semua peraturan. Wallahualam!

Akibatnya, komuniti setempat terpaksa hidup dalam kawasan yang jijik dan kotor dengan sampah sarap yang tidak dikutip

hanya kerana seorang dua pihak yang mengambil kesempatan daripada kedudukan mereka. Kualiti hidup terjejas dan kesejahteraan rakyat tersekat.

Kita lihat pula contoh kedua. Di negeri Perlis ini jumlah kematian di jalan raya dilaporkan melepasi kadar yang ditetapkan di peringkat nasional. Saya difahamkan dalam tahun 2016 sahaja, 70 kematian telah direkodkan. Untuk sebuah negeri dengan jumlah penduduk lebih kurang 240,000 orang, sudah tentu *ratio* 28 kematian per seratus ribu (28:100,000) penduduk yang melebihi *ratio* peringkat nasional iaitu sebanyak 22:100,000 harus diberikan perhatian sewajarnya.

Saya difahamkan oleh Datuk Dr. Anis, dalam perbincangan meja bulat yang dianjurkan oleh Institut Integriti Malaysia bagi membincangkan hal-hal "*Integrity and Road Safety*", di mana pelbagai agensi yang terlibat dengan keselamatan jalan raya, iaitu daripada JPJ, MIROS, JKJR, PLUS, MHA, Bahagian Trafik PDRM dan lain-lain agensi sokongan telah dijemput untuk

sama-sama berbincang. Isu utama yang timbul dalam konteks integriti dan keselamatan di jalan raya, sebenarnya bukanlah soal jalan raya kita yang tidak baik atau kenderaan kita tidak mematuhi spesifikasi *standard*. Isu utama lain didapati adalah isu sikap pengguna jalan raya itu sendiri. Ini soal integriti. Pemandu yang lalai dan tidak memegang amanah bahawa lesen memandu atau menunggang yang diberikan kepada mereka bukanlah lesen untuk membunuh orang lain di jalan raya.

Akibat kecuaiian sesetengah pemandu ini atau penunggang juga, telah mengakibatkan nyawa pengguna jalan raya yang lain turut terkorban. Kecuaiian ini boleh berpunca daripada sikap gopoh, tidak sabar, tidak menghormati pengguna jalan raya lain dan tidak menghormati undang-undang jalan raya. Paling ketara mereka ini bersikap dengan tidak bertanggungjawab.

Bagaimana rakyat akan dapat hidup sejahtera dalam keadaan jalan raya yang tidak selamat kerana ada orang yang tidak

berintegriti dengan tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

Satu lagi contoh yang ingin Saya kemukakan untuk renungan kita bersama adalah bagaimana agaknya sekiranya sempadan negara kita dijaga oleh orang-orang yang tidak amanah dan tidak berintegriti? Kita mendengar tentang pelbagai angkara akibat pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang menyebabkan sempadan kita dibolosi oleh pelbagai pihak.

Yang merisaukan kita adalah akibat perbuatan segelintir yang mungkin 'menutupkan mata' mereka seketika sewaktu bertugas mungkin kerana telah disogok, boleh menyebabkan pelbagai anasir jahat menyelinap masuk ke dalam negara. Tidak kira samada orang yang mengambil kesempatan daripada pemerdagangan manusia, pelacuran, dadah, senjata api dan bermacam lagi perkara yang akhirnya menyumbang kepada kemudaratannya rakyat jelata.

Apa yang Saya cuba ketengahkan ini adalah permasalahan yang mungkin dilihat sebagai perkara kecil bagi sesetengah pihak tetapi sekiranya kita meneliti dengan lebih mendalam, kita akan dapat melihat impak yang besar kepada kesejahteraan, keselamatan dan keharmonian rakyat di negara ini.

Semua ini sekiranya tidak dibendung dari awal, sudah pasti ianya akan menyumbang kepada masalah dan malapetaka yang lebih besar.

Sidang hadirin yang dimuliakan,

Punca permasalahan kepada semua ini adalah kerana sikap sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab, tidak amanah dan tidak berintegriti. Akibatnya, negara boleh hancur, punah dan musnah.

Oleh kerana itu, Saya amat gembira melihat usaha Institut Integriti Malaysia yang mula turun ke peringkat akar umbi untuk berkongsi pengalaman dan instrumen yang telah mereka bina,

agar rakyat di negeri seperti Perlis ini juga akan mendapat manfaat daripada usaha untuk membina negara bangsa berintegriti.

Seperti yang telah Saya titahkan sebentar tadi, integriti memainkan peranan yang amat signifikan dalam kesejahteraan komuniti, terutama bagi Malaysia yang mempunyai komuniti pelbagai etnik dan agama. Tanpa integriti, bukan sahaja komuniti akan porak peranda dan kacau bilau malahan segagah manapun empayar yang dibina akan tumbang sepertimana pengajaran yang dizahirkan dalam sejarah empayar Rom, Parsi, Sriwijaya hatta empayar Melaka satu ketika dahulu.

Justeru itu dalam konteks membudayakan integriti pelbagai institusi dalam negara, Saya ingin menyeru agar semua pihak, terutamanya komuniti setempat haruslah turut sama melaksanakan peranan masing-masing dalam menjadikan

integriti amalan murni yang sentiasa dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

Komuniti setempat juga harus memastikan peranan dalam menyemai dan mendidik masyarakat untuk hidup secara muafakat, harmoni, saling hormat menghormati di antara satu sama lain bagi menjamin kesejahteraan dan keamanan. Institusi Ketua Kampung juga perlu menjadi contoh kepada masyarakat bagaimana agihan bantuan input pertanian, pelaksanaan projek-projek kecil luar bandar umpamanya dibuat secara adil dan telus. Sering kedengaran mengenai agihan bantuan dilaksanakan secara terpilih dan melihat kepada “politik” setempat yang berpuak-puak lalu lahirlah perasaan tidak puashati dan prasangka buruk kepada institusi Ketua Kampung dan Jawatankuasa Kampung itu sendiri.

Kesimpulannya, integriti harus dibudayakan dalam masyarakat di negara ini dan ianya bukanlah satu pilihan jika kita sebagai warganegara mendambakan negara yang sejahtera dan maju

untuk mendepani cabaran masa hadapan. Usaha baik yang telah dimulakan oleh Institut Integriti Malaysia melalui program Roadshow seperti ini harus disokong dan dibantu oleh semua pihak. Terutama dalam usaha memantau semua agensi pelaksana bagi menentukan Pelan Tindakan yang terkandung di dalam Pelan Integriti Nasional terlaksana dengan jayanya.

Sidang hadirin yang dimulihkan,

Kembali kita ke negeri Perlis ini, dengan keluasan 795 kilometer persegi dan bilangan penduduk yang hanya seramai 240,100 berdasarkan statistik pada tahun 2016, (dan sekarang dianggarkan seramai 253,000 penduduk) bercita-cita besar dalam usaha membangunkan sosioekonomi negeri ini. Tidak ada sebab mengapa Perlis tidak boleh maju. Apa yang penting ialah membangunkan keupayaan untuk menarik pelaburan dan kepakaran ke negeri ini. Oleh itu, perkhidmatan awam negeri perlu terus menerus menyediakan perkhidmatan yang terbaik

yang mampu untuk meningkatkan daya saing negeri ini. Ini boleh dilakukan dengan mengurangkan kerenah birokrasi serta melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan bebas rasuah, InsyaAllah.

Perlis boleh belajar daripada pengalaman negara-negara kecil yang berjaya di dunia. Sebagai contoh, Luxembourg. Luxembourg merupakan sebuah negara kecil di Eropah dengan keluasan hanya 2,586 kilometer persegi dan dengan jumlah penduduk 583 ribu orang setakat 2016. Namun negara kecil itu mempunyai daya saing yang tinggi, berada di tangga ke lapan dunia pada tahun 2017 dalam laporan World Competitiveness Year Book. Saya yakin, bahawa kejayaan mereka tidak mungkin dicapai tanpa tahap integriti yang tinggi. Berdasarkan *Corruption Perception Index* (CPI) oleh *Transparency International* (TI), Luxembourg menduduki tempat ke sepuluh terbaik di dunia dengan skor 81.0 peratus. Sekiranya Perlis ingin menjadi sebuah negeri yang maju, maka

peningkatan tahap integriti di semua peringkat merupakan perkara asas yang perlu menjadi keutamaan.

Jared M Diamond dalam bukunya *Collapse: How Societies Choose to Fail or Succeed* menyatakan bahawa punca yang menyebabkan kehancuran atau keberhasilan sesuatu bangsa atau budaya adalah disebabkan oleh beberapa perkara seperti bencana alam, perubahan iklim, budaya bermasyarakat yang telah hilang dan populasi penduduk yang sangat tinggi.

Bencana alam ini muncul tidak hanya disebabkan faktor alam tetapi juga kerana perilaku manusia. Kecenderungan manusia mengaut kekayaan alam tanpa batasan dan tanpa mempedulikan had telah merosakkan keseimbangan alam itu sendiri. Ianya bermula dengan sekecil-kecil tabiat seperti membuang sampah sehinggalah beroperasinya kilang-kilang yang membawa kepada pencemaran dan kemusnahan alam yang serius.

Nasib alam bergantung kepada perilaku kita. Oleh itu, “Amalkanlah Integriti”.

Sidang hadirin yang dimuliakan,

Saya amat berharap, integriti dijadikan benteng terkahir ummah yang wajib diteliti dan diperhalusi sebagai panduan untuk kita manfaatkan baki umur yang cukup bernilai ini. Seperti kata Imam Al-Ghazali yang memperincikan sebahagian akhlak mulia sebagai penyabar, lemah lembut, bersyukur, redha, ikhlas, murah hati, berkata benar, jujur, amanah dan bertanggungjawab. Walaubagaimanapun Al-Ghazali akhirnya menyimpulkan bahawa keindahan akhlak itu adalah iman, dan keburukan akhlak itu adalah sifat munafik.

Hadis Al-Hakim diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu menjelaskan yang bermaksud, Rasulullah Subhanahu Wa Ta’ala bersabda: “Kemuliaan seorang mukmin terletak pada penghayatan agamanya, harga dirinya terletak

pada kecerdasan akal fikirannya dan kehormatannya terletak pada kebaikan budi pekertinya”.

Oleh kerana itu, Saya menyeru kepada setiap rakyat untuk marilah kita sama-sama kembali kepada ajaran agama masing-masing. Bagi orang Islam sudah tentu kita perlu menghayati Al-Quran dan Sunnah Rasul. Tidak kira apa jua agama yang kita anuti, setiap daripada kita perlu memainkan peranan yang menyeluruh untuk menyemai nilai-nilai murni yang ada dalam ajaran agama masing-masing demi melahirkan satu komuniti yang berintegriti, selaras dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara.

Hanya dengan kembali berpandu kepada ajaran agama yang sebenar, kita akan dapat melahirkan insan-insan yang bertakwa dan mengamalkan kebaikan di muka bumi ini. Semoga pembudayaan integriti dalam kalangan rakyat akan mensejahterakan kita semua.

Saya sekali lagi berterima kasih kepada Datuk Dr. Anis dan Institut Integriti Malaysia dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) kerana memberi peluang untuk Saya turut menyumbang buah fikiran ke arah kesejahteraan rakyat melalui Titah Integriti Diraja ini.

Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan mengurniakan rahmat dan kesejahteraan kepada rakyat dan negeri ini. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala senantiasa memberikan hidayat, petunjuk dan panduan membolehkan Saya menyempurnakan amanah dengan adil lagi saksama.

Hadirin sekalian,

Mengakhiri titah, Saya dengan ini merasmikan 'Majlis Penutupan Rasmi Program *Roadshow* INTEGRITI di negeri Perlis bagi tahun 2018'.

Sekian,

Wabilahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.